

Perbadanan Aset Keretapi labur RM 43.5 Juta

Bangunkan kemudahan stesen, pejabat baharu di KL Eco City CITY

KUALA LUMPUR: Perbadanan Aset Keretapi (RAC), Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Pengangkutan membuat pelaburan keseluruhan berjumlah RM43.5 juta bagi membiayai pembangunan stesen dan pejabat baharu di KL Eco City, Kuala Lumpur. Menteri Pengangkutan, Anthony Loke, berkata pelaburan yang dilaksanakan RAC itu merangkumi Stesen Keretapi Abdullah Hukum dan dua pejabat agensi berkenaan yang kini sudah beroperasi sepenuhnya. "Untuk Stesen Keretapi Abdullah Hukum, RAC melabur RM30 juta, manakala baki RM13.5 juta lagi untuk dua pejabatnya di KL Eco City," katanya pada sidang media selepas pelancaran stesen berkenaan di Kuala Lumpur, semalam.

Yang turut hadir, Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan yang juga pengerusi Lembaga Pengarah RAC, Datuk seri Saripuddin Kasim, Pengurus Besar RAC, Azhar Ahmad; Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Nor Hisham Ahmad Dahlan dan Ketua Pegawai Eksekutif KTMB, Mohd Rani Hisham Samsudin. Stesen yang diintegrasikan dengan Stesen Transit Aliran Ringan (LRT) Laluan Kelana Jaya Abdullah Hukum itu dibangunkan di atas tanah rizab keretapi seluas 0.6 hektar. Pembangunan stesen baharu yang dilaksanakan secara penswastaaan dengan KL Eco City Sdn Bhd, anak syarikat S P Setia Bhd adalah pembangunan beorientasikan transit (TOD) pertama RAC.

Pada peringkat permulaan, Keretapi Tanah Melayu Bhd (KTMB) selaku operator menjangkakan seramai 1,000 penumpang sehari akan menggunakan perkhidmatan KTM Komuter dan ia dijangka meningkat kepada 5,000 orang sehari menjelang 2020. Perkhidmatan tren KTM akan membuat hentian sebanyak 64 kali sehari di Stesen Keretapi Abdullah Hukum bagi laluan Pelabuhan Klang-KL Sentral dan baliknya.

Kerjasama pihak Swasta

Loke berkata, kerajaan juga akan berkerjasama dengan pihak swasta bagi membangunkan kemudahan berkaitan pengangkutan di kawasan TOD bagi meningkatkan kemudahan kepada perniagaan dan rakyat. "Kita bercadang untuk menjalinkan kerjasama dengan pihak berkaitan untuk tujuan ini. Ia akan merencanakan lagi ekonomi kerana akses mudah rakyat kepada kawasan tumpuan utama seperti pusat beli-belah," katanya. Sementara itu, KTMB juga akan memperkenalkan aplikasi baharu dalam tempoh beberapa bulan akan datang bagi memberi kemudahan kepada penumpang.

Katanya, aplikasi yang sedang dibangunkan itu juga akan membolehkan penumpang mengetahui tempoh ketibaan tren KTM Komuter dengan lebih tepat, sekali gus memendekkan tempoh menunggu. "Tidak hanya KTM, kita juga mahu operator lain juga dapat menyediakan aplikasi sama hasil pembangunan secara data terbuka pada masa depan," katanya.